

 INTERNATIONAL ACADEMIC RESEARCH JOURNAL OF SOCIAL SCIENCE	 INTERNATIONAL ACADEMIC RESEARCH JOURNAL
	ISSN :2289-8441
	International Academic Research Journal of Social Science Journal homepage: www.iarjournal.com

Cabaran FELCRA Berhad dalam Pembangunan Masyarakat Luar Bandar : Era Pandemik COVID-19

Norhafizah binti Mohd Esrah¹, Ishak Bin Haji Abd Rahman²

¹Felcra Berhad ²Universiti Kebangsaan Malaysia

Corresponding email: haq@ukm.edu.my

Informasi Artikel

Kata kunci
Pembangunan luar bandar

Abstrak

Dasar kerajaan untuk membangunkan masyarakat Bumiputera terutama di kawasan luar bandar telah bermula sejak kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957. Selaras dengan dasar kerajaan berkenaan, Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Pesekutuan atau Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority (FELCRA) telah ditubuhkan di bawah Akta Memperbadankan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah pada 1 April 1966 menerusi rancangan pembangunan ekonomi iaitu Rancangan Malaysia Pertama (RMK1). Rancangan pembangunan ekonomi telah ini dilaksanakan selama lima tahun iaitu dari tahun 1966 hingga 1970 melibatkan seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Objektif utama RMK1 adalah menjaga kebajikan seluruh rakyat dan meningkatkan taraf hidup bumiputera kawasan luar bandar terutamanya di kalangan mereka yang berpendapatan rendah. Penumpuan terhadap sektor pertanian dan pembangunan luar bandar telah memberikan hasil terhadap pembangunan aktiviti pertanian melalui penanaman kelapa sawit, getah, koko dan tebu yang dilaksanakan secara meluas di seluruh negara. Walaupun FELCRA telah dikorporatkan pada 1 September 1997, FELCRA Berhad masih melaksanakan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat peserta serta penduduk luar bandar. Ini adalah kerana, ia merupakan prasyarat utama dalam perjanjian pengkorporatan FELCRA Berhad bersama kerajaan. Namun, usaha FELCRA Berhad untuk membangunkan masyarakat luar bandar terutamanya warga peserta yang melibatkan peserta, suami/isteri dan anak-anak peserta lebih mencabar apabila jangkitan Corona Virus mula menular di dalam negara bermula 23 Januari 2020. Kajian ini akan meneliti cabaran yang dihadapi oleh FELCRA dalam membangunkan peserta FELCRA. Hasil kajian mendedahkan bahawa walaupun negara berdepan dengan pandemik COVID, FELCRA telah berjaya melaksanakan tugasnya dengan berkesan.

PENGENALAN

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan wabak *Coronavirus* sebagai darurat kesihatan dunia pada 31 Januari 2020. Pandemik COVID-19, juga dikenali sebagai pandemik *Coronavirus* atau wabak *Coronavirus* adalah pandemik penyakit yang sedang berlaku secara global berpunca daripada *Coronavirus* sindrom pernafasan akut teruk 2 (SARS-CoV-2). Wabak ini pada mulanya dikesan pada pertengahan Disember 2019 di bandaraya Wuhan, Hubei, China, dan telah diiktiraf sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh kerajaan yang berkuatkuasa 18 Mac hingga 12 Mei 2020, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang berkuatkuasa 13 Mei hingga 9 Jun 2020 dan Pergerakan Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) berkuatkuasa 10 Jun hingga 31 Disember 2020 juga telah memberikan kesan kepada ekonomi negara. Hal ini sekaligus telah memberikan kesan kepada program-program pembangunan peserta FELCRA Berhad yang terdiri daripada masyarakat luar bandar.

SEJARAH FELCRA

FELCRA Berhad sebelum ini adalah merupakan sebuah Badan Berkanun Kerajaan dikenali sebagai Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Pesekutuan atau *Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority* (FELCRA). FELCRA ditubuhkan di bawah Akta Memperbadankan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah pada 1 April 1966. Fungsi penubuhan FELCRA adalah memulihkan dan menyatukan tanah dengan kelulusan atau permintaan pihak berkuasa negeri dan persetujuan pemilik tanah. Matlamat penubuhan FELCRA adalah membasmi kemiskinan rakyat luar bandar melalui program penyatuan dan pemulihan tanah. Di antara program dan projek yang dilaksanakan FELCRA adalah seperti berikut:

1. Pemulihan rancangan Tanah Pinggir (RTP) kerajaan negeri, Rancangan Tanah Terkawal (RTT), Rancangan Tanah Kelompok (RTK) dan tanah terbiar;
2. Penyatuan tanah melalui pembangunan tanah kerajaan melalui *Group Settlement Act* (GSA) 1960;
3. Projek Keselamatan di bawah Jawatankuasa Keselamatan dan Pembangunan untuk sempadan Malaysia-Thailand (KESBAN), Rajang Area Security Command (RASCOM) yang menempatkan semula penduduk kampung di sepanjang Sungai Rajang di Sarawak pada kemuncak pemberontakan komunis pada tahun 1970-an dan Rancangan Penempatan Semula (RPS);
4. Projek Orang Asli melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA);
5. Rancangan Tanah Belia;
6. Projek Pembangunan Bersepadu Seberang Perak;
7. Projek Penyusunan Semula Kampung (PPSK) dan Projek Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT)

Bermula 1 September 1997, FELCRA telah dikorporatkan dan telah berubah status dari sebuah badan berkanun kepada sebuah entiti syarikat milik penuh kerajaan. Pemegang saham utama FELCRA Berhad adalah terdiri daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) (99%) dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (1%). Oleh kerana MOF adalah pemegang saham terbesar, maka segala aktiviti, operasi dan pengurusan syarikat adalah tertakluk kepada keputusan MOF. FELCRA Berhad juga adalah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB). FELCRA Berhad ditubuhkan di bawah Akta 570, Akta Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (Penggantian & Pembubaran) 1997. Penggubalan Akta baru ini telah menjadikan FELCRA Berhad sebagai syarikat yang mengambilalih peranan FELCRA. Perubahan status entiti korporat ini membolehkan FELCRA Berhad menceburi bidang perniagaan baharu selaras dengan aspirasi pembangunan nasional. Sehubungan dengan itu, berbekalkan kemahiran dalam bidang pengurusan ladang dan aktiviti-aktiviti teras, FELCRA Berhad telah mempelbagaikan aktiviti perniagaan dalam sektor perindustrian, perkhidmatan serta lain-lain bidang perniagaan seperti ternakan lembu fidlot, pembinaan perumahan generasi kedua peserta dan lain-lain. Jumlah keluasan ladang yang diuruskan FELCRA Berhad pada tahun 2020 adalah seperti berikut:

1. Kelapa sawit: 184,439 hektar;
2. Getah: 35,561 hektar; dan
3. Padi: 4,130 hektar

Di sebalik perubahan itu, FELCRA Berhad masih melaksanakan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat peserta serta penduduk luar bandar. Ini adalah kerana, tanggungjawab sosial merupakan prasyarat utama yang termaktub di dalam Perkara 5, perjanjian pengkorporatan FELCRA Berhad bersama kerajaan. Melalui perjanjian berkenaan, FELCRA Berhad perlu memperuntukkan sebanyak RM4.3 juta setahun untuk melaksanakan tanggungjawab sosial kepada warga peserta. Menurut Maignan dan Farrel (2004) definisi

tanggungjawab sosial adalah “A business acts in socially responsible manner when its decision and actions for balance diverse when its decision and actions for and balance diverse stakeholder interest”. Sejalan dengan definisi berkenaan, Kotler dan Lee (2005) memberikan definisi tanggungjawab sosial sebagai “Corporate social responsibility is a commitment to improve community well-being through discretionary business practice and contributions of corporate resources”. Berdasarkan definisi tanggungjawab sosial yang dinyatakan, maka ia boleh didefinisikan sebagai kewajipan dan tanggungjawab perniagaan untuk mewujudkan sesuatu yang berfaedah kepada masyarakat sekeliling termasuk staf, pelanggan, masyarakat dan alam sekitar di samping keuntungan syarikat. Justeru itu, bagi memenuhi tanggungjawab sosial yang termaktub di dalam perjanjian pengkorporatan, FELCRA Berhad telah melaksanakan aktiviti berikut:

1. Penubuhan Jawatankuasa Kemajuan Projek (JKKP) yang dianggotai oleh wakil peserta dan staf setiap projek bagi memudahkan penyaluran maklumat projek serta bertindak sebagai penghubung di antara peserta dan pengurusan FELCRA Berhad;
2. Penubuhan Koperasi Peserta Rancangan (KPR) yang dianggotai oleh peserta FELCRA Berhad untuk memberi nilai tambah pendapatan peserta melalui aktiviti perniagaan;
3. Menyediakan latihan keusahawanan kepada warga peserta termasuk suami/isteri dan anak-anak peserta;
4. Menyediakan latihan kepimpinan kepada pemimpin peserta;
5. Memberi pendedahan pasaran dan rangkaian kepada usahawan.
6. Melaksanakan aktiviti-aktiviti lain warga peserta menerusi program-program kemasyarakatan dan keagamaan.

Visi korporat FELCRA Berhad adalah kekal sebagai *plantation house* yang terkemuka dan berkembang sebagai sebuah konglomerat yang berjaya. Manakala misi korporat adalah seperti berikut:

1. Memegang falsafah Peserta Bersyukur No. 1 dan terus berkembang bersama mereka dengan *growth with equity* di samping mengurus, menjaga serta memegang kepentingan amanah kumpulan sasar iaitu masyarakat peserta; dan
2. Melaksanakan tanggungjawab sosial melalui pembangunan ladang-ladang dan aktiviti yang berkaitan dengan lebih efisien dan menguntungkan.

KESAN COVID-19 TERHADAP MALAYSIA

Ekoran daripada peningkatan jumlah kes yang mendadak pada bulan Mac 2020, kerajaan Malaysia yang diketuai oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuat kuasa mulai 18 Mac 2020 di seluruh negara bagi mengurangkan penyebaran COVID-19 melalui penjarakan sosial. PKP yang sepatutnya tamat pada 31 Mac 2020 telah dilanjutkan hingga awal bulan Mei 2020. Setelah dilihat bahawa PKP dapat menurunkan kes jangkitan harian, kelonggaran sekatan secara bertahap dilaksanakan, pertama dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pada 4 Mei 2020, yang membenarkan kebanyakan sektor perniagaan dibuka di bawah Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat, diikuti dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) mulai 10 Jun 2020. Pada asalnya, PKPP dijadualkan berakhir pada 31 Ogos 2020 tetapi disebabkan oleh pengesanan kes import yang berterusan, ia telah dilanjutkan lagi sehingga akhir bulan Disember 2020, dengan beberapa sektor terpilih yang kekal ditutup serta penguatkuasaan sekatan perjalanan yang ketat dari beberapa buah negara. Pandemik ini memberikan kesan ekonomi yang buruk kepada Malaysia dengan menurunkan nilai mata wang Malaysia dan menyusutkan KDNKnya serta telah memberi kesan sosial yang besar kepada masyarakat Malaysia. Permulaan pandemik ini pada awal tahun 2020 berlaku serentak dengan krisis politik negara yang awalnya tiada kaitan. Hal ini telah mengganggu tindak balas awal kerajaan, dan penyebaran COVID-19 serta pengisytiharan darurat memburukkan lagi ketidakstabilan politik negara yang berterusan sepanjang tahun 2020 dan 2021. Impak pandemik COVID-19 dalam pertumbuhan ekonomi negara dapat dilihat berdasarkan kenyataan Jabatan Perangkaan Malaysia bagi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang menyusut lebih perlahan 2.7% pada suku tahun ketiga berbanding penyusutan ketara 17.1% pada suku tahun kedua. Situasi ini telah memberikan cabaran kepada FELCRA Berhad bagi meneruskan program pembangunan peserta dan tanggungjawab sosial kepada 112,337 orang peserta. (Wikipedia (2021))

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Kajian ini menggunakan data primer dan sekunder yang dikumpul melalui beberapa kaedah. Pengumpulan data sekunder dibuat melalui penyelidikan di

internet terhadap bahan-bahan bacaan akademik, keratan-keratan akhbar, laman web FELCRA Berhad dan lain-lain agensi kerajaan. Kajian-kajian awal berhubung dengan peranan, pencapaian serta cabaran FELCRA turut dikaji oleh pengkaji lepas antaranya Suhail Haji Azahari (1997). Antara penemuan beliau adalah FELCRA telah berjaya menyumbang sebagai sebuah organisasi pembelajaran pada tahap tinggi. Kajian oleh Mohd Maliki Kamarul Zaman & Norasmah Othman (2018) turut menyarankan agar pihak FELCRA Berhad perlu memberi penekanan kepada tiga amalan pengurusan perniagaan yang utama iaitu pengurusan kewangan, pemasaran dan sumber manusia dalam kalangan usahawan Wanita FELCRA. Memandangkan terdapat kesukaran untuk mendapatkan maklumat disebabkan kurangnya kajian-kajian lepas tentang FELCRA, kaedah temubual bersemuka telah dilaksanakan. Kutipan data melalui kaedah primer dilakukan melalui temubual dengan staf-staf FELCRA Berhad yang bertugas di bawah Kumpulan Hal Ehwal Peserta dan Komunikasi, Kumpulan Setiausaha Syarikat dan Pejabat Ketua Pegawai Operasi. Instrumen utama yang digunakan di dalam kajian ini adalah temubual separa-struktur. Tujuan instrumen ini direka bentuk sedemikian adalah supaya penyelidik memperoleh maklumat secara mendalam (in-depth) dan menyeluruh (comprehensive) daripada responden-responden yang ditemubual. Soalan boleh diubahsuai dari segi susunan dan cara menyoal lebih fleksibel. Semua data dan maklumat yang diperoleh diproses dan dianalisis menggunakan laporan secara diskriptif dan analitikal. Perkara penting yang diperoleh dalam temubual akan dikumpul dan disusun mengikut susunan tema isi (thematic sequence) dengan berpanduan kepada objektif dan soalan kajian. Isi-isi penting ini kemudian dipersembahkan melalui penulisan pelaporan dengan disokong oleh fakta-fakta dan perbincangan secara komprehensif. Penyelidik juga berdepan dengan cabaran untuk mendapatkan maklumat daripada staf-staf di bahagian berkaitan memandangkan pelaksanaan Flexible Working Arrangement (FWA) di FELCRA Berhad berkuatkuasa 15 Jun sehingga 31 Disember 2020 serta pelaksanaan PKPB di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya berkuatkuasa 9 November sehingga 6 Disember 2020.

PEMBANGUNAN PESERTA DAN CABARAN SEMASA PANDEMIK COVID-19

Hubungan antara FELCRA Berhad, staf dan peserta bermula apabila peserta menandatangani perjanjian bersama FELCRA Berhad. Bermula dari itu, berlakulah jalinan masyarakat desa di antara FELCRA Berhad, staf dan peserta dalam satu organisasi yang bekerjasama bagi merealisasikan hasrat dan kehendak kerajaan. Pembangunan peserta adalah sebagai satu usaha, proses atau keadaan di mana masyarakat luar bandar dapat menikmati keperluan asas kehidupan melalui penekanan aspek pembangunan kemanusiaan. Oleh itu, pelbagai program pembangunan warga peserta termasuk suami/isteri dan anak-anak dilaksanakan bagi memenuhi misi korporat FELCRA Berhad iaitu melahirkan Peserta Bersyukur No. 1. Pembangunan peserta bagi tahun 2020 melibatkan 112,337 orang peserta.

A. Pembangunan Ekonomi Peserta

Bagi memenuhi matlamat kerajaan untuk membasmi kemiskinan dalam kalangan bumiputera terutama masyarakat luar bandar, FELCRA telah memperkenalkan kaedah pengurusan ladang ala estet (sistem saham) yang lebih efisien dengan kos lebih efektif dan produktif. Menerusi sistem saham berkenaan, peserta akan menerima segala faedah dan risiko secara bersama (dividen) dari ladang yang dimaju dan diuruskan secara kolektif berdasarkan keluasan tanah yang dimiliki peserta. Berdasarkan sistem berkenaan, FELCRA Berhad telah berjaya mengagihkan pendapatan berbentuk dividen kepada peserta berjumlah RM6.62 bilion sepanjang tempoh pengkorporatan iaitu dari tahun 1997 sehingga 2019. Walau bagaimanapun, FELCRA Berhad telah berdepan dengan cabaran untuk mengurus dan mengeluarkan hasil ladang pada tahun 2020 akibat pandemik COVID-19.

Cabaran Pertama

Arahan PKP yang dikeluarkan kerajaan yang berkuatkuasa dari 18 Mac hingga 12 Mei 2020 mengakibatkan operasi ladang tergendala selama satu bulan. Ladang juga mengalami masalah kekurangan pekerja kerana rancangan untuk membawa masuk tenaga kerja asing dari Indonesia dan Bangladesh tidak dapat dilaksanakan kerana dasar kerajaan terhadap larangan aktiviti individu keluar masuk dalam negara bagi mengekang jangkitan COVID-19. Situasi ini sedikit sebanyak menjejaskan keadaan ladang dan kualiti tandan kelapa sawit yang sekaligus menjejaskan hasil minyak sawit mentah. Walau bagaimanapun, FELCRA Berhad telah mengambil langkah proaktif untuk mengatasi masalah kekurangan pekerja ladang.

Tindakan Penyelesaian

Di antara tindakan yang telah diambil bagi mengatasi masalah berkenaan adalah seperti berikut:

1. Bekerjasama dengan Jabatan Penjara Malaysia untuk mendapatkan tenaga kerja yang terdiri daripada banduan dalam parol untuk melaksanakan kerja ladang. *Warden* penjara akan mengawasi banduan yang bekerja di ladang. FELCRA Berhad akan membayar gaji kepada banduan berkenaan melalui Jabatan Penjara Malaysia;
2. *Cadet Planter Program* diwujudkan pada 24 Februari 2020 hingga 27 Februari 2021. FELCRA Berhad melalui Kumpulan Hal Ehwal Peserta dan Komunikasi akan menggabungkan ilmu pembangunan komuniti peserta dan juga komunikasi berkesan di dalam modul program agar setiap warga program dapat membawa peranan tuntas untuk menguruskan ladang peserta dan menjaga kebajikan serta hal ehwal peserta secara holistik. Program ini dilaksanakan untuk mencapai objektif berikut:
 - Mewujudkan budaya baharu sebagai *Future Planter*;
 - Mendedahkan warga program dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran terkini dalam menguruskan tanaman perladangan komersial;
 - Mendedahkan warga program kepada teknologi pertanian terbaharu dan prinsip-prinsip terbaik dalam pengurusan sektor perladangan;
 - Meningkatkan *professionalism* warga program dalam pengurusan berlandaskan objektif dan sasaran syarikat;
 - Mempelajari aktiviti operasi perladangan tahap industri secara teori dan amali;
 - Membina Pewaris Pelan Penggantian yang berpengetahuan tinggi dan cekap dalam ilmu perladangan; dan
 - Warga program dapat mempraktikkan ilmu yang dipelajari dan dapat menyebarkan serta memperluaskan ilmu tersebut kepada warga kerja lain dalam memastikan pelaksanaan operasi dapat mencapai tahap efisien dan efektif.
3. Mencari peluang untuk bekerjasama dengan Jabatan Imigresen Malaysia untuk mengambil tahanan imigresen di pusat tahanan imigresen untuk bekerja di ladang.

Cabaran Kedua

Walaupun harga purata minyak sawit mentah meningkat dari RM2,118.92 (tahun 2019) kepada RM2,612.20 (sehingga Oktober 2020), jumlah pendapatan peserta melalui dividen masih tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan seharian memandangkan harga barangan keperluan harian semasa semakin meningkat.

Tindakan Penyelesaian

Sehubungan dengan itu, FELCRA Berhad telah menubuhkan beberapa institusi peserta yang boleh memberi tambahan pendapatan kepada warga peserta. Di antara institusi peserta yang ditubuhkan untuk menjana ekonomi peserta adalah seperti berikut:

1. Koperasi Peserta FELCRA (KPR) dan Koperasi Peserta FELCRA Berhad (KPFB)
Institusi KPR dan KPFB dianggotai oleh peserta ditubuhkan di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). KPR dan KPFB ditubuhkan untuk:
 - Memperkukuh dan menyatupadukan wang, tenaga dan fikiran peserta demi faedah bersama;
 - Menggalakkan peserta mempelbagaikan sumber pendapatan agar tidak bergantung semata-mata kepada hasil ladang;
 - Menggalakkan peserta membuat pelaburan dan simpanan;
 - Menggalakkan peserta berkecimpung di dalam bidang keusahawanan dan perniagaan;
 - Melibatkan peserta di dalam pembangunan rancangan; dan
 - Menjadi pengeluar barangan pengguna dan ejen pemasaran barangan anggota kepada pembeli luar.
2. Wanita Dinamis FELCRA (WADIRA)
Institusi WADIRA direncana khusus untuk pembangunan dan kemajuan sosio-ekonomi isteri-isteri dan anak-anak perempuan peserta. Tumpuan diberikan kepada peningkatan pengetahuan serta pembangunan modal insan, sosio-ekonomi, kerohanian, kemasyarakatan dan keusahawanan. Selaras dengan misi dan visi FELCRA Berhad, program pembangunan wanita yang dirancang dan dilaksanakan bertujuan melahirkan wanita di kalangan

peserta yang sejahtera, berilmu, berdikari, berdaya maju, bersatu padu, berwawasan dan bersyukur. Menerusi institusi ini, isteri-isteri serta anak-anak perempuan peserta dapat menjana pendapatan tambahan melalui aktiviti ekonomi yang dijalankan seperti katering, jahitan dan sebagainya tanpa mengharapkan hasil ladang (dividen) semata. Aktiviti ini juga dapat melahirkan masyarakat peserta di kalangan wanita lebih berdikari dan progresif. FELCRA Berhad juga telah melaksanakan program pembangunan keusahawanan kepada usahawan dalam kalangan peserta yang telah dikenalpasti. Di antara program-program pembangunan dan perkhidmatan untuk usahawan yang dilaksanakan oleh FELCRA Berhad di bawah Bahagian Pembangunan Usahawan adalah seperti berikut:

1. Menaiktaraf premis perniagaan;
2. Membantu perniagaan untuk mendapatkan sijil-sijil berkaitan seperti Halal, MESTI dan lain-lain;
3. Pembangunan produk peserta;
4. Membantu usahawan menyediakan *labelling, packaging* dan *signage*; dan
5. Mengadakan karnival dan ekspo usahawan.

Cabaran Ketiga

Berikutan pandemik COVID-19 yang melanda negara pada tahun 2020, banyak program-program pembangunan usahawan institusi dan peserta tergendala. Sehubungan dengan itu, terdapat beberapa inisiatif FELCRA Berhad bagi menangani isu ini.

Tindakan Penyelesaian

Di antaranya inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. KPLB melalui Bahagian Pembangunan Usahawan Desa akan melaksanakan Program Karnival Usahawan Desa secara dalam talian melalui eKUD@KPLB dengan menggunakan platform *online* sedia ada iaitu Desamall@KPLB yang berada di bawah Shopee dan Lazada. Platform ini telah memberi ruang dan peluang baru untuk usahawan peserta memasarkan produk perniagaan mereka.
2. Pemantauan aktiviti perniagaan peserta dilaksanakan melalui laporan secara berkala daripada usahawan melalui staf di peringkat Wilayah/Negeri dan Kawasan memandangkan staf di peringkat ibu pejabat mempunyai kekangan untuk membuat lawatan ke lokasi perniagaan akibat pandemik COVID-19. Komunikasi juga dilaksanakan melalui e-mel dan mesyuarat dibuat secara dalam talian menggunakan aplikasi *Microsoft Teams* supaya hubungan di antara FELCRA Berhad dan usahawan tidak terputus.
3. Program pembangunan usahawan seperti latihan dan kursus pembangunan usahawan juga dilaksanakan dengan skala kecil di peringkat kawasan.

B. Pembangunan Modal Insan Peserta

Selain program pembangunan ekonomi, FELCRA Berhad juga telah melaksanakan program pembangunan modal insan untuk peningkatan sendiri, pengetahuan dan kemahiran warga peserta. Bagi mengenalpasti kumpulan sasar, FELCRA Berhad telah menubuhkan institusi berikut:

1. Jawatankuasa Kemajuan Projek (JKKP)

JKKP adalah institusi tertinggi yang menghubungkan di antara pengurusan FELCRA Berhad dan peserta serta diiktiraf di dalam FELCRA Berhad. JKKP ditubuhkan di dalam projek tunggal dan gabungan yang mempunyai peserta. Institusi ini adalah *platform* utama FELCRA Berhad untuk menangani isu-isu yang sering dibangkitkan oleh peserta, menyebarkan maklumat serta menjelaskan hal ehwal pembangunan projek. Hal ini direalisasikan melalui pelaksanaan Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Bulanan. Objektif penubuhan JKKP adalah seperti berikut:

- Melibatkan diri secara langsung bersama-sama pengurusan projek dalam melaksanakan semua aktiviti berkaitan pembangunan projek dan pesertanya;
- Merapatkan hubungan dan mewujudkan kesefahaman serta kerjasama di antara FELCRA Berhad dengan peserta dan di antara peserta dalam usaha harmoni dan semangat kekitaan;
- Mewujudkan penglibatan aktif dalam kalangan peserta terhadap kegiatan dan kerja-kerja di kawasan dan projek;
- Mencetuskan dan membangkitkan kesedaran, tanggungjawab dan rasa sayang terhadap projek (*sense of belonging*) dalam kalangan peserta;
- Sebagai *platform* atau forum kepada semua peserta untuk menyampaikan pandangan, syor, segala kehendak dan masalah mereka bagi mendapatkan penyelesaian dari FELCRA Berhad; dan

- Membimbing dan melatih peserta secara beransur-ansur dalam perkara yang melibatkan urusan penghasilan, ladang dan pemasaran supaya peserta bersedia untuk mengurus dan mengendalikan ladang mereka di masa hadapan.

Bagi mencapai objektif penubuhan berkenaan, institusi JKKP akan bersama FELCRA Berhad melaksanakan perkara berikut:

- Merancang dan melaksanakan aktiviti kebajikan serta pembangunan modal insan di peringkat kawasan; dan
- Memantau bersama kemajuan fizikal ladang dan kewangan projek.

Untuk menjadikan Ahli JKKP sebagai pemimpin peserta yang berdaya saing, FELCRA Berhad akan melaksanakan Kursus Kepimpinan dan Pengurusan Organisasi kepada ahli yang baru dilantik. Kemajuan JKKP banyak memberi impak positif terhadap FELCRA Berhad memandangkan institusi ini adalah badan penghubung dan perantara penting. Menerusi institusi ini, peserta akan memperolehi maklumat yang tepat tentang keadaan ladang mereka. Institusi ini juga adalah badan kebajikan yang dapat membantu peserta FELCRA Berhad. Sehubungan dengan itu, walaupun terdapat cabaran semasa pandemik COVID-19 yang melanda negara, FELCRA Berhad akan memastikan supaya usaha bagi memperkasakan institusi JKKP ini tidak akan terhenti.

Cabaran Keempat

Cabaran utama pembangunan institusi JKKP adalah masalah penyaluran maklumat serta penyelesaian isu-isu yang melibatkan peserta. Ini adalah kerana, masyarakat peserta yang berada di kawasan luar bandar masih mengharapkan pihak pengurusan untuk bersama-sama bersemuka dan 'turun padang' bagi menyelesaikan isu-isu peserta. Namun, kekangan COVID-19 menyebabkan pihak pengurusan dan peserta perlu akur dengan norma baharu yang perlu diterapkan dan berusaha sehabis baik untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada peserta.

Tindakan Penyelesaian

Bagi mengatasi masalah berkenaan, FELCRA Berhad telah melaksanakan proses penyampaian maklumat dari ibu pejabat dengan lebih giat melalui surat menyurat, e-mel, siaran akhbar, media sosial rasmi (*Instagram* dan *Facebook*) dan laman web FELCRA Berhad supaya peserta sentiasa mendapat info terkini mengenai aktiviti syarikat.

2. Institusi Belia

Institusi Belia ini terdiri dari Persatuan Belia FELCRA (PBFe) yang ditubuhkan di peringkat Kawasan, Majlis Belia FELCRA (MBFeW) yang ditubuhkan di peringkat Wilayah/Negeri dan Majlis Belia FELCRA Malaysia (MBFeM) yang ditubuhkan di peringkat Kebangsaan. Institusi belia yang ditubuhkan didaftarkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Ahli institusi belia ini terdiri daripada anak-anak peserta yang berumur di antara 18 hingga 30 tahun. Matlamat penubuhan institusi belia adalah seperti berikut:

- Membina keperibadian belia, meningkatkan kesetiaanegaraan di dalam kalangan belia dan menyebarkan serta meningkatkan pemahaman terhadap prinsip-prinsip Rukunegara;
- Membentuk semangat jati diri dan hubungan baik dalam kalangan belia FELCRA Berhad; dan
- Membina jaringan (*networking*) dan komunikasi di antara belia atau persatuan sehingga merentasi sempadan geografi negara.

Objektif penubuhan institusi belia adalah seperti berikut:

- Mendedahkan kumpulan belia terhadap program-program latihan yang bersesuaian, aktiviti-aktiviti berkumpulan, sukan / riadah, program-program peningkatan sahsiah diri, jati diri, kepimpinan, motivasi, komunikasi dan lain-lain aspek perkembangan diri sebagai persediaan ke alam pekerjaan dan / atau keusahawanan; dan
- Menjadikan kumpulan belia sebagai masyarakat peserta yang berdaya saing dalam apa jua bidang yang diceburi.

Cabaran Kelima

Cabaran FELCRA Berhad dalam membangunkan institusi belia FELCRA Berhad semasa COVID-19 adalah pelaksanaan program-program berkumpulan seperti aktiviti sukan / riadah dan kursus serta latihan yang dirancang terjejas.

Tindakan Penyelesaian

Sehubungan dengan itu, FELCRA Berhad mengambil inisiatif dengan menggalakkan institusi belia melaksanakan program-program pembangunan belia berskala kecil dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan di peringkat Kawasan bagi mengelakkan jangkitan COVID-19 berlaku dalam kalangan belia. FELCRA Berhad juga telah mengaturkan program-program latihan secara dalam talian menggunakan aplikasi *Microsoft Teams* / *Google Meet* / *Zoom* supaya belia akan terus memperoleh manfaat berterusan dalam menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas menunjukkan bahawa FELCRA Berhad sangat komited dalam merealisasikan aspirasi kerajaan bagi membangunkan masyarakat luar bandar. Sokongan berterusan yang diberikan kerajaan bagi menjayakan usaha berkenaan dapat dilihat melalui penyaluran peruntukan pembangunan bagi FELCRA Berhad sebanyak RM482.1 juta dari peruntukan keseluruhan KPLB berjumlah RM10.19 bilion di dalam Belanjawan 2021 yang diumumkan oleh Menteri Kewangan pada 6 November 2020. Peruntukan berkenaan dijangka dapat memberikan faedah kepada pembangunan ladang peserta. Selain dari itu, pengumuman kerajaan memperuntukkan sebanyak RM4.6 bilion untuk meningkat dan memperkasakan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bumiputera di dalam Belanjawan 2021 akan memberi kemudahan kepada usahawan untuk mendapatkan bantuan dan pembiayaan perniagaan dalam menghadapi pandemik COVID-19. FELCRA Berhad sebagai agensi milik kerajaan akan terus berusaha membangunkan peserta dan sentiasa menyokong dan mendokong dasar kerajaan demi membangunkan masyarakat luar bandar selaras dengan Perjanjian Pengkorporatan FELCRA Berhad bersama kerajaan.

RUJUKAN

- <https://felcra.com.my> [dilayari di Selangor, Malaysia pada 27 Oktober 2020]
<https://www.rurallink.gov.my> [dilayari di Selangor, Malaysia pada 27 Oktober 2020]
<https://www.moh.gov.my> [dilayari di Selangor, Malaysia pada 27 Oktober 2020]
<https://www.who.int> [dilayari di Selangor, Malaysia pada 27 Oktober 2020]
(Wikipedia 2021)
www.bepi.mpob.gov.my [dilayari di Selangor, Malaysia pada 27 Oktober 2020]
www.skm.gov.my [dilayari di Selangor, Malaysia pada 28 Oktober 2020]
www.kbs.gov.my [dilayari di Selangor, Malaysia pada 28 Oktober 2020]
www.roy.kbs.gov.my [dilayari di Selangor, Malaysia pada 28 Oktober 2020]
<https://belia.org.my> [dilayari di Selangor, Malaysia pada 28 Oktober 2020]
<https://www.mkn.gov.my> [dilayari di Selangor, Malaysia pada 7 November 2020]
www1.treasury.gov.my [dilayari di Selangor, Malaysia pada 14 November 2020]
KDNK Menyusut 2.7 Peratus pada Suku Tahun Ketiga 2020: 13 November 2020, Astro Awani
Centre Stage: Budget 2021 Overview: PricewaterhouseCoopers (PwC) Malaysia
Mohd Maliki Kamarul Zaman & Norasmah Othman (2018) *Amalan Pengurusan Perniagaan Usahawan Wanita Felcra Berhad* (2018) *Journal of Busines Innovation*.Jurnal Inovasi Perniagaan Volume 3
Suhail Haji Azahari (1997) *Projek Yang Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat Untuk Mendapatkan Ijazah Master Sains Pembangunan Sumber Manusia di Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan*, Universiti Pertanian Malaysia.

TEMUBUAL

- Bahagian Komunikasi Korporat FELCRA Berhad pada 26 Oktober 2020
Kumpulan Setiausaha Syarikat FELCRA Berhad pada 3 November 2020
Bahagian Pembangunan Usahawan FELCRA Berhad pada 17 November 2020
Bahagian Pembangunan Institusi Peserta FELCRA Berhad pada 18 November 2020